



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2019

ARAHAN MENDEPOSIT KE DALAM AKAUN DEPOSIT KOPERASI

Pada menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) di bawah subseksyen 43(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665] dan subseksyen 57(1E) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta 665, saya, Datuk Nordin bin Salleh, Pengerusi Eksekutif, **Suruhanjaya dengan ini menentukan bahawa koperasi hendaklah menandatangani Kumpulan Wang Rizab Statutori** sepertimana dinyatakan dalam Arahan Pemindahan Kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori yang sedang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya bermula tahun kewangan berakhir Disember 2018 dan tahun-tahun kewangan berikutnya ke dalam Akaun Deposit Koperasi.

2. Koperasi hendaklah menandatangani Kumpulan Wang Rizab Statutori ke dalam Akaun Deposit Koperasi dalam tempoh enam (6) bulan selepas tahun kewangan koperasi itu berakhir **sepertimana subperaturan 5(2) Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014**. Walau apa pun, koperasi boleh menandatangani sejumlah amaun melebihi Kumpulan Wang Rizab Statutori ke dalam Akaun Deposit Koperasi.

Bertarikh : 12. Ogos 2019
No. Rujukan : SKM.IP(AM)7965 SJ 5 (6)



(DATUK NORDIN BIN SALLEH)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia